



**1. PEGAWAI PELAJARAN (TEKNIKAL)
TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 3**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Bagi Avionics

Ijazah Sarjana Muda (*Hons*) atau sebanding dalam bidang jurusan *Aircraft Maintenance Engineering / Aerospace Engineering / Aeronautical Engineering* atau bidang bersesuaian.

Bagi Airframe & Engine

Ijazah Sarjana Muda (*Hons*) atau sebanding dalam bidang jurusan *Aircraft Maintenance Engineering / Aeronautical Engineering* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Mempunyai *Aircraft Maintenance Engineer Licence* (B1 – *Airframe & Engine*: B2 – *Avionics*) dan pengalaman minimum selama 10 tahun dalam kejuruteraan kapal terbang.

ATAU

- iii) Mempunyai pengalaman praktikal dalam kapal terbang *Fixed Wing* dan kapal terbang *Rotary Wing* (keutamaan diberikan kepada CN235, PC-7 MK II, Balckhawk, Bell 212, Bell 206 BO106 dan SF 260 W)

2. Mempunyai pengalaman minimum selama 15 dalam kejuruteraan Kapal Terbang dan berupaya membuat penyelarasan atau pemeriksaan bagi setiap tahap pengesahan.



3. **Bagi Avionics**

Mempunyai latihan kejuruteraan kapal terbang secara rasmi terutama pembelajaran pertukangan dalam pelbagai bidang latihan Avionik atau bidang latihan-latihan yang berkaitan.

Bagi Airframe & Engine

Mempunyai Latihan kejuruteraan kapal terbang secara rasmi terutama pembelajaran pertukangan dalam pertukangan Rangka Pesawat / Enjin.

4. Memiliki keahlian *professional* seperti *MIEE* (*Member of Institute of Electrical Engineers*), *Ceng* (*Chartered Engineer*) or *MRAes* (*Member of the Royal Aeronautical Society*) merupakan satu kelebihan.
5. Berumur diantara 33 hingga 50 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELAJARAN TEKNIKAL:

BAGI AIRFRAME & ENGINE


1. Calon yang terpilih akan ditempatkan untuk mengajar di No 65 Skuadron (Sekolah Cawangan Latihan Teknikal Udara) Tentera Udara Diraja Brunei.
2. Mengajar *Job-Specifics Skills* dan ilmu pengetahuan kepada penuntut-penuntut.
3. Membuat perancangan pengajaran implementasi dan penilaian.
4. Menyediakan tugas kertas pemeriksaan, mengkoordinasi skema pemerikahan (*Marking Schemes*) dan mengendalikan penilaian dan pemeriksaan.
5. Mengambil bahagian dan menyumbang kearah perkembangan kurikulum.
6. Mengendalikan latihan pengubahan dari satu jenis kelengkapan kepada yang lain bagi Juruterbang dan Teknisyen Pesawat.
7. Sentiasa membantu Ketua Jabatan dalam memastikan kualiti dan *Standard* mengajar dan pembelajaran sentiasa terjamin.



8. Membuat pulih dan memelihara Pesawat Terbang Latihan dan alat-alat bantuan mengajar (*Training Aids*).
9. Mengawal semua *Airframe Test Equipment* yang dipertanggungjawabkan di No 65 Skuadron dan semua perkakas *Computer Base Training (CBT) hardware and software*.
10. Memastikan semua penuntut *Airframe & Engines* mengikuti peraturan-peraturan yang ditetapkan di TUDB.
11. Menjadi penyelia dan penasihat kepada *Extra Curricular Activities*.
12. Membuat laporan penuntut seperti yang dihendaki.
13. Bersedia untuk melaksanakan tugas-tugas tambahan yang diberikan oleh Pegawai atasan TUDB.
14. Menjalinkan hubungan (*networking*) dan membuat kolaborasi dengan industri yang berkaitan.

BAGI AVIONICS

1. Calon yang terpilih akan ditempatkan untuk mengajar di No 65 Skuadron (Sekolah Cawangan Latihan Teknikal Udara) Tentera Udara Diraja Brunei.
2. Mengajar *Job-Specifics Skills* dan ilmu pengetahuan kepada penuntut-penuntut.
3. Membuat perancangan pengajaran implementasi dan penilaian.
4. Menyediakan tugas kertas pemeriksaan, pemarkahan dan juga mengendalikan penilaian dan peperiksaan.
5. Mengambil bahagian dan menyumbang ke arah perkembangan kurikulum.
6. Mengendalikan latihan dari satu jenis kelengkapan kepada yang lain bagi Juruterbang dan Teknisyen Pesawat.
7. Membantu Ketua Jabatan dalam memastikan kualiti dan piawaian mengajar dan pembelajaran dalam keadaan terjamin.



8. Membuat pulih dan memelihara Pesawat Terbang Latihan dan alat-alat bantuan mengajar.
9. Mengawal semua *Avionic Test Equipment* yang dipertanggungjawabkan di No 65 Skuadron dan semua perkakas *Computer Base Training*.
10. Memastikan semua penuntut *Avionic* mengikuti peraturan-peraturan yang ditetapkan di TUDB.
11. Menjadi penyelia dan penasihat kepada aktiviti kurikulum tambahan.
12. Membuat laporan penuntut seperti yang dikehendaki.
13. Bersedia untuk melaksanakan tugas-tugas tambahan yang diberikan oleh Pegawai atasan TUDB.